

# 48 rumah dinaiki air dalam banjir kilat

Oleh RAHMAN DAUD

**PETALING JAYA** 14 April - Hujan lebat selama empat jam telah mengakibatkan 48 buah rumah dinaiki air sedalam satu meter dalam kejadian banjir kilat di Jalan PJS 2/3, Taman Datuk Harun, di sini petang ini.

Hujan sejak sebelum solat Jumaat dan berhenti kira-kira pukul 6 petang itu turut mengakibatkan beberapa kelas di Sekolah Kebangsaan Taman Datuk Harun 1, di sini dinaiki air.

Bagaimanapun tiada sebarang kecederaan dilaporkan berlaku dalam kejadian tersebut.

Seorang pesara polis, Minah Baba, 80, berkata, dia berada di dalam rumah ketika hujan lebat.

Katanya, tidak sampai 10 minit selepas itu, air terus memenuhi rumahnya hingga paras lutut.

"Air bertambah laju memasuki rumah saya ketika kenderaan menggunakan jalan tersebut.

"Nasib baik air hanya paras lutut, kalau air bertambah dalam, saya tidak tahu apa yang akan berlaku,"

Air bertambah laju memasuki rumah saya ketika kenderaan menggunakan jalan tersebut

**MINAH  
BABA**  
Pesara  
polis

katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Minah yang tinggal seorang diri selepas suaminya meninggal dunia berkata, dia bernasib baik kerana jirannya sudi membersihkan rumah yang dipenuhi air dan lumpur.

"Saya terpaksa mengangkat barangan ringan untuk diselamatkan dengan kemampuan kudrat saya.

"Banyak barangan termasuk katil, tilam dan barangan elektrik rosak tetapi hendak buat macam mana, saya tidak mampu mengalih barangan itu kerana dah tua," ujarnya sedih.

## Bergegas

Susulan kejadian itu, kontraktor Majlis Perbandaran Petaling Jaya terus bergegas ke kawasan banjir untuk melakukan kerja-kerja men-

gorek bagi mengalirkan air terus ke lombong.

Seorang pekerja swasta, Mohd. Dali Daim, 54, berkata, kejadian banjir itu adalah yang kedua berlaku dalam tempoh seminggu.

Dia yang tinggal di situ sejak 1983 menjelaskan kawasan itu kerap dilanda banjir kilat terutama apabila hujan lebat.

"Saya dah banyak membuat aduan dan cadangan tetapi hingga kini tiada sebarang tindakan diambil untuk mengatasinya.

"Masalah ini memang tidak bertanggung oleh penduduk di kawasan perumahan ini kerana setiap kali banjir berlaku banyak barangan yang rosak dengan anggaran kerugian antara RM2,000 dan RM3,000," katanya.

Mohd. Dali berkata, punca kejadian banjir itu disebabkan masalah perparitan.



SITI Fatimah membersihkan rumahnya yang dimasuki air akibat banjir kilat di Taman Datuk Harun, Petaling Jaya, Selangor, semalam.